

## **KAJIAN SEMULA PENGECUALIAN DUTI IMPORT BAGI SEKTOR PERKHIDMATAN DI BAWAH SUB-SEKTOR PENGANGKUTAN, KOMUNIKASI DAN KEMUDAHAN AWAM**

Adalah dimaklumkan bahawa mulai **1 Januari 2017**, kemudahan layanan pengecualian duti import bagi sektor perkhidmatan di bawah sub sektor pengangkutan, komunikasi dan kemudahan awam diselaraskan dengan prinsip dan matlamat asal pemberian kemudahan tersebut yang menetapkan keperluan kepada taraf **Projek Yang Diluluskan (PPL)** di bawah Jadual 7B Akta Cukai Pendapatan 1967.

Kementerian Kewangan memutuskan seperti berikut:

- i. Syarikat di bawah sub-sektor perkhidmatan komunikasi, pengangkutan dan kemudahan awam diberi pengecualian duti import hanya khusus bagi sesuatu projek yang mendapat kelulusan PPL sahaja ke atas bahan, mesin dan peralatan yang diimport yang memenuhi kriteria berikut:-
  - a. Tidak dikeluarkan dalam negara;
  - b. Terhadap kepada bahan, mesin dan peralatan adalah asasi dan digunakan secara langsung dalam projek perkhidmatan yang diluluskan; dan
  - c. Peralatan alat ganti dan bahan guna habis termasuk bagi tujuan penyelenggaraan tidak layak mendapat pengecualian duti import.
- ii. Tempoh pengecualian hanya terhad **selama 5 tahun** sahaja; dan
- iii. Permohonan pengecualian duti import tanpa kelulusan PPL tidak akan dipertimbangkan.

Sebagai kesimpulan, mana-mana permohonan yang tidak mematuhi sepenuhnya kriteria kelayakan PPL, tidak layak untuk dipertimbangkan layanan pengecualian duti import.

Sekian.

**Rujukan Fail : CR(8.09)198-94(Sk.11)(8) tarikh surat 23 Disember 2016**